

SOALAN NO. 99

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL ANUAR
BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 19 JUN 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah takrifan perkahwinan bawah umur atau *child marriage* mengikut undang-undang yang sedia ada di Malaysia dan apakah langkah-langkah untuk mengurang dan menggalakkan masalah kahwin paksa dan *force marriage*.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan isu perkahwinan bawah umur. Sebagai negara pihak (*state party*) kepada 2 konvensyen antarabangsa yang diratifikasi pada tahun 1995, iaitu Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk melindungi golongan wanita dan kanak-kanak daripada sebarang bentuk eksploitasi, keganasan dan penderaan yang merangkumi aspek fizikal, mental, emosi dan psikologi.

Tiada takrifan khusus bagi perkahwinan bawah umur mengikut undang-undang di Malaysia. Undang-undang hanya menetapkan had umur bagi orang Islam dan bukan Islam untuk berkahwin iaitu seperti berikut:

- (i) Akta / Ordinan / Enakmen-Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri memperuntukkan bahawa perempuan yang berumur bawah 16 tahun dan lelaki yang berumur bawah 18 tahun perlu

mendapatkan perintah kebenaran nikah bawah umur daripada Mahkamah Syariah. Ini bermakna jika perkahwinan oleh perempuan berumur 16 tahun ke atas dan lelaki berumur 18 tahun ke atas, maka perkahwinan tersebut bukanlah perkahwinan bawah umur walaupun mereka masih tergolong di bawah takrifan kanak-kanak;

- (ii) Seksyen 10 Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) memperuntukkan bahawa sesuatu perkahwinan di kalangan bukan Islam di Malaysia adalah **tidak sah** jika pada tarikh perkahwinan itu salah satu pihak berumur di bawah 18 tahun. Walau bagaimanapun, **pihak perempuan dibolehkan berkahwin jika berumur di bawah 18 tahun tetapi telah mencapai 16 tahun** dengan syarat mendapat **lesen** daripada **YAB Ketua Menteri/Menteri Besar** seperti yang dinyatakan di bawah subseksyen 21(2), Akta 164.

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk menangani kes kahwin paksa dalam kalangan kanak-kanak ialah:

(a) Program-program kesedaran

- (i) Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dengan kerjasama Jabatan Latihan Khidmat Negara telah melaksanakan Program PEKERTI@PLKN semenjak tahun 2011 iaitu program yang dijalankan kepada golongan remaja yang berada di dalam program Latihan Khidmat Negara. Program ini memberikan kefahaman kepada golongan remaja bahawa tingkah laku seksual mempunyai kesan dan akibat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Hingga Disember 2013, sebanyak 174,086 orang pelatih PLKN di 81 buah kem PLKN seluruh negara telah mendapat pendidikan tersebut;
- (ii) Kerajaan melalui LPPKN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah melaksanakan Program PEKERTI@SEKOLAH semenjak tahun 2012. Program ini telah dilaksanakan sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah-sekolah terpilih seluruh Malaysia. Tujuan program antara lain adalah memberi pengetahuan akan bahaya dan risiko salah laku seks. Pelajar yang terlibat adalah murid tahun 6 iaitu selepas

peperiksaan UPSR, pelajar tingkatan 3 selepas peperiksaan PMR dan pelajar Pendidikan Khas. Pada tahun 2012, seramai 2,376 orang murid telah mengikuti program ini; dan

- (iii) Kerajaan melalui LPPKN telah mewujudkan Pusat Remaja Kafe@TEEN semenjak November 2005. Antara aspek yang diberi tumpuan adalah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina. Sesi ini secara langsung memberikan kesedaran kepada remaja untuk mengelakkan diri dari gejala tidak sihat dalam kehidupan remaja. Hingga Mac 2014, seramai 888,225 orang peserta telah menerima faedah daripada program yang dilaksanakan melalui 13 Pusat Remaja Kafe@TEEN di seluruh negara.

(b) Penggubalan Dasar

- (i) Dasar Kanak-Kanak Negara telah digubal semenjak Julai 2009. Dasar ini bersama Pelan Tindakannya bertujuan menekankan hak kanak-kanak untuk hidup dan diberi jagaan, pemeliharaan, kasih-sayang, perkhidmatan kesihatan, sokongan dan bantuan sosial tanpa mengira latar belakang;

- (ii) Dasar Perlindungan Kanak-Kanak telah digubal semenjak Julai 2009. Dasar ini bersama Pelan Tindakan antaranya bertujuan meningkatkan kesedaran dan komitmen pelbagai pihak terhadap usaha melindungi kanak-kanak, melindungi setiap kanak-kanak daripada sebarang bentuk pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi;
- (iii) Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan telah digubal pada tahun 2009. Dasar dan Pelan Tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan di kalangan masyarakat terutama ibu bapa dan remaja berhubung kesihatan reproduktif dan kesan negatif akibat perlakuan seksual di luar batasan dan luar nikah.